

Tahap Motivasi dan Pencapaian Akademik Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Luar Bandar, Daerah Meradong, Bintangor, Sarawak

Zamri Mahamod^{1*} dan Sharlina Mohamad Shamsuddin²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²Kementerian Pendidikan Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya, Malaysia

ABSTRAK

Motivasi ialah elemen penting dalam membangkitkan dorongan dalaman seseorang terhadap sesuatu perkara. Motivasi sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat menentukan hala tuju dan keberkesanannya. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap motivasi dan pencapaian akademik bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah luar bandar di daerah Meradong, Bintangor. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang memanipulasikan sampel seramai 306 orang pelajar sekolah rendah yang dipilih secara rawak. Tinjauan dilaksanakan menggunakan instrumen soal selidik. Analisis deskriptif dan inferensi digunakan dalam menganalisis data dengan perisian SPSS versi 19.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu adalah pada tahap tinggi. Tahap motivasi murid perempuan lebih tinggi daripada tahap motivasi murid lelaki. Ujian kolerasi menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara tahap motivasi terhadap bahasa Melayu dengan pencapaian akademik pelajar. Justeru, aspek motivasi perlu diberikan penekanan untuk memastikan bahawa pencapaian seseorang pelajar itu dapat ditingkatkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu serta dapat melahirkan modal insan yang mempunyai keterampilan dan kecekapan berbahasa yang tinggi.

Kata kunci: Motivasi, pencapaian akademik, proses pembelajaran, pembelajaran bahasa Melayu, pelajar luar bandar

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

d-zam@ukm.edu.my (Zamri Mahamod),

chasharlina@gmail.com (Sharlina Mohamad Shamsuddin)

*Penulis penghubung

The Motivation and Academic Achievement in Malay Language among Primary School Students at Meradong District, Bintangor, Sarawak

ABSTRACT

Motivation is an important element in raising a person's inner impulse towards something. Motivation is very important in the learning process because it can determine the direction and effectiveness the learning situation. This study was conducted to identify the level of motivation and academic achievement of Malay language among primary school pupils in the rural areas of Meradong, Bintangor. This research surveys a sample of 306 primary school students who were randomly selected. The survey was conducted using a questionnaire. Descriptive and inferential analysis were used to analyze the data using SPSS version 19.0. The results showed that the level of motivation of students toward Learning the Malay language has a high level of motivation. Female students showed higher level than the level of motivation displayed by male pupils. Correlation tests were conducted to show the existence of a significant relationship between the level of motivation toward the Malay language and academic achievement of students. Thus, motivation should be emphasized in school to ensure the achievement of a student. This would help language learning and can produce human capital with the relevant skills for higher language proficiency.

Keywords: Motivation, academic achievement, learning process, learning Malay, rural students

PENGENALAN

Dalam konteks pendidikan bahasa Melayu di Malaysia, kajian tentang penguasaan bahasa pelajar, terutama dalam kalangan pelajar bahasa kedua sering dilakukan oleh para penyelidik. Antaranya, kajian yang telah dilakukan oleh Saadiah (2003), Suwarnee et al (2008) dan Rosalind (2009). Hal ini disebabkan penguasaan bahasa kedua bagi pelajar bukan Melayu seperti pelajar Cina, India dan peribumi sama ada di Sabah atau di Sarawak tidak berlaku secara semula jadi tetapi didorong oleh berbagai-bagai motif seperti untuk mengelakkan pemencilan, memajukan kerjaya, meningkatkan ilmu pengetahuan, dan sebagainya.

Rasionalnya ialah semua manusia itu dilahirkan mempunyai dwibahasa (Zamri 2016a, 2016b), dan hal tersebut menyebabkan pembelajaran bahasa kedua di bilik darjah perlu terancang dan berkesan. Memandangkan terdapat perbezaan antara pemerolehan bahasa pertama dengan bahasa kedua dalam kalangan pelajar, Krashen (1988) telah menggunakan istilah penguasaan (*acquisition*) untuk bahasa pertama dan istilah pembelajaran untuk bahasa kedua. Sungguhpun begitu, Gardner (1985), Krashen (1988) dan Zamri (2016) mengatakan bahawa bahasa kedua boleh dipelajari melalui keadaan semula jadi (sebelum tempoh masa kritikal tamat), dan melalui kaedah terancang (selepas tempoh masa kritikal). Sehubungan hal itu, Steinberg (2002) memberikan lima sebab pembelajaran terancang bagi pemerolehan bahasa kedua di bilik darjah yang amat berbeza dengan pembelajaran semula jadi. Antara sebab tersebut ialah keadaan bilik darjah memaksa pelajar menyesuaikan diri kepada proses kumpulan, disiplin dan tatacara bilik darjah, kurikulum terancang dipatuhi oleh guru untuk menyempurnakan tujuan tertentu berkenaan bahasa yang dipelajari.

Di samping itu, pelajar perlu mempunyai motivasi yang tinggi dalam mempelajari bahasa Melayu supaya mereka dapat berkomunikasi dalam bahasa Melayu serta dapat meningkatkan pencapaian dalam bahasa Melayu dalam suasana pembelajaran yang kondusif. Malah, penguasaan bahasa Melayu dapat meningkatkan kecekapan berbahasa berlandaskan konteks dan fungsi yang betul di sekolah mahupun dalam kehidupan seharian mereka. Azizi dan Jaafar (2006), mengatakan bahawa motivasi dianggap sebagai unsur yang membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, ia menjadikan proses pembelajaran berlaku dalam situasi yang bermakna, berfaedah dan menyeronokkan. Oleh itu, guru perlu sentiasa memberikan penegasan serta-merta kepada pelajar apabila mereka memperlihatkan tingkah laku positif. Penegasan ini boleh diberikan dalam pelbagai bentuk seperti pujian, senyuman ataupun hadiah. Secara tidak langsung, ia dapat meningkatkan aras motivasi serta prestasi pelajar.

Motivasi pembelajaran seseorang pelajar bergantung kepada keinginan perubahan sikap yang perlu dilakukan oleh pelajar tersebut. Menurut Zamri (2015), kebanyakan pelajar mengatakan bahawa mereka telah mengubah sikap walaupun pada realitinya masih pada tahap lama. Beliau mendapati ada dalam kalangan mereka telah menghadiri kem motivasi beberapa kali tetapi hanya berubah dalam jangka masa pendek, khususnya selama beberapa hari, beberapa minggu atau beberapa bulan dan akhirnya kembali mengamalkan sikap lama yang pasif. Menurut Saniah et al. (2000), para guru pada dasarnya bersetuju bahawa semua jenis tingkah laku yang dilakukan oleh pelajar disebabkan oleh faktor motivasi. Hal ini kerana tahap motivasi dalam diri seseorang individu dapat bertindak sebagai tenaga yang dapat menghala tingkah laku kepada matlamat yang diinginkannya. Malah, ahli psikologi berpendapat bahawa tingkah laku manusia seringkali dipengaruhi oleh beberapa faktor. Ada kalanya manusia bertindak berasaskan perasaan dan nalurinya sendiri dan juga pengaruh persekitarannya. Aspek motivasi mendorong seseorang berusaha untuk mencapai tujuan yang diinginkannya. Oleh itu, motivasi bukan sahaja melibatkan sesuatu keperluan yang mengerakkan tingkah laku seseorang itu tetapi juga hala tuju yang ingin diambil oleh seseorang itu untuk memuaskan keperluannya secara optimum.

PENYATAAN MASALAH

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Akta Pendidikan 1996 juga memperakui bahawa kemajuan negara dari segi ekonomi, sosial, rohani, moral dan etika perlu dicapai melalui satu sistem pendidikan kebangsaan yang berbahasa pengantar bahasa kebangsaan sebagai pengantar utama serta menggunakan satu bentuk kurikulum dan sistem peperiksaan yang sama. Malah, melalui sistem pendidikan ini juga diharapkan dapat memenuhi tuntutan dan aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia negara maju sepenuhnya pada 2020.

Kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar ini berkait rapat dengan sikap dan motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa berkenaan. Sikap merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan pelajar dalam mempelajari bahasa kedua (Zamri 2016a). Sikap negatif seperti membenci atau memandang rendah sesuatu bahasa menyukarkan pembelajaran bahasa. Selain sikap, motivasi juga memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa kedua.

Secara umum, motivasi berkait rapat dengan kemahuan dalam diri seseorang individu untuk melakukan sesuatu dalam usaha mencapai matlamat dan objektif. Motivasi juga mempunyai hubungan untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap perkara yang dilakukan (Zamri 2016b). Analoginya, seorang pelajar yang mempunyai keinginan untuk belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan cemerlang, maka usaha gigih yang ditunjukkan oleh pelajar tersebut menggambarkan seorang yang bermotivasi.

Antara ciri pelajar yang bermotivasi termasuklah mereka yang sentiasa datang awal ke sekolah, gemar ke perpustakaan, membudayakan amalan membaca, gemar belajar dan menganggap peperiksaan khususnya Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) itu satu cabaran. Pelajar yang berjaya lazimnya mempunyai motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran mereka. Relevannya ialah motivasi merupakan satu daya yang paling kuat untuk memperoleh kecemerlangan (Zamri 2015). Menurut beliau lagi, pelajar yang cemerlang ialah pelajar yang memfokuskan faktor yang menyebabkan kecemerlangan. Pelajar berkenaan akan memberikan tumpuan dengan memperuntukkan masa, tenaga dan usaha yang secukupnya kepada aktiviti yang penting dan kritikal dalam usaha mencapai keputusan yang cemerlang.

Beberapa kajian telah dijalankan tentang faktor sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua. Zamri dan Zarina (2001) telah mengkaji sikap murid Cina terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Abdullah (2004) telah mengkaji sikap dan motivasi murid Dusun terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Roslind (2003) telah menjalankan kajian di Sri Aman, Sarawak terhadap pelajar tingkatan 2 dan 5 dalam pembelajaran bahasa Melayu. Belum ada kajian yang dijalankan tentang sikap dan motivasi pelajar Iban di sekolah rendah dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Maka pengkaji bermiat untuk membuat kajian tentang tahap motivasi pelajar luar bandar terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan melihat hubungan antara motivasi dengan pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar di sekolah luar bandar.

Justeru, pengkaji akan membuat kajian tentang aspek motivasi ini dengan meninjau tahap motivasi pelajar luar bandar terhadap pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dan hubungannya dengan pencapaian akademik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar di daerah Meradong. Kajian ini turut memberikan faktor yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu serta tahap motivasi mengikut jantina dan kaum. Dapatan kajian ini dapat menentukan tahap sebenar motivasi mereka. Seterusnya, akan memudahkan para guru bahasa Melayu untuk merancang pengajaran yang lebih berkesan untuk menarik minat pelajar terhadap bahasa Melayu dengan matlamat ke arah melahirkan modal insan yang cemerlang dalam pencapaian akademik selaras dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Negara.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran tentang tahap motivasi pelajar luar bandar terhadap pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu. Objektif yang mendasari kajian ini ialah mengenal pasti:

1. tahap motivasi pelajar sekolah rendah di luar bandar terhadap pembelajaran bahasa Melayu
2. tahap pencapaian pelajar sekolah rendah di luar bandar terhadap pembelajaran bahasa Melayu
3. faktor yang mempengaruhi pelajar mempelajari bahasa Melayu
4. hubungan antara motivasi dengan pencapaian bahasa Melayu pelajar luar bandar

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan di atas, iaitu:

1. Apakah tahap motivasi dalam kalangan pelajar sekolah rendah di luar bandar terhadap pembelajaran bahasa Melayu?
2. Apakah tahap pencapaian pelajar sekolah rendah di luar bandar terhadap pembelajaran bahasa Melayu?
3. Apakah faktor yang mempengaruhi pelajar mempelajari bahasa Melayu?
4. Apakah terdapat hubungan antara motivasi dengan pencapaian bahasa Melayu pelajar luar bandar?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai kepentingan dan berpotensi untuk menjadikan mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang diminati oleh semua pelajar yang mengikutinya melalui usaha meningkatkan motivasi pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu serta melengkapkan pengetahuan dan pemahaman pelajar dalam penggunaan bahasa Melayu dengan fungsi dan konteks yang betul dalam kehidupan seharian. Kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan prestasi pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah luar bandar. Selain itu, kajian ini penting, khususnya kepada guru untuk mengenal pasti permasalahan yang berkaitan, dan seterusnya menyusun strategi yang tepat untuk meningkatkan motivasi pelajar melalui pendekatan pedagogi abad 21 dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu serta mewujudkan pembelajaran yang kondusif.

METADOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan. Data dikumpul melalui instrumen soal selidik. Dapatan data seterusnya akan dihuraikan secara deskriptif. Menurut Azizi (2006), tinjauan secara deskriptif digunakan untuk mendapatkan ukuran atau

gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri populasi. Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas tentang soalan kajian serta maklumat yang diperlukan daripada responden, iaitu maklumat yang berkaitan dengan motivasi instrinsik dan ekstrinsik.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar tahap 2 sekolah rendah di luar bandar di Bintangor, Sarawak. Terdapat 15 buah sekolah daripada 32 sekolah yang diklasifikasikan sebagai sekolah luar bandar. Daripada 400 orang populasi kajian, seramai 306 orang pelajar dipilih sebagai sampel. Responden yang dipilih terdiri daripada pelajar tahap 2. Responden juga terdiri daripada variasi kaum, iaitu Melayu, Iban, Melanau dan Cina. Persampelan kajian ini menggunakan teknik persampelan berkelompok, iaitu kluster.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang telah disesuaikan daripada Index Maehr's (1984) menggunakan skala empat mata (1 hingga 4: 1 sangat tidak setuju- 4 sangat setuju). Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data bagi kajian ini ialah soal selidik yang disesuaikan daripada soal selidik yang digunakan oleh Abdullah (2004) dalam kajiannya untuk mengukur sikap dan motivasi pelajar Dusun terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Bagi maksud kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan, satu ujian rintis telah dijalankan. Hasil kajian rintis ini menunjukkan bahawa nilai alpha Cronbach berada pada min (1994), nilai yang melebihi 0.74 dianggap boleh diterima sebagai instrumen lain 0.80. Menurut Zaidatun dan Mohd Salleh (2003), nilai yang melebihi daripada 0.70 dianggap boleh diterima sebagai instrumen yang boleh dipercayai. Dalam kajian ini, analisis data dibuat menggunakan skor min. Untuk mengukur tahap motivasi responden, tiga market dibua,t iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Julat skor min tahap motivasi cara belajar mata pelajaran Bahasa Melayu

Julat Skor Motivasi Cara Belajar	Tahap
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

Analisis Data

Dalam kajian ini, dua bentuk analisis digunakan untuk menganalisis dapatan data secara sistematik. Kaedah pertama ialah analisis secara deskriptif yang menggunakan min, kekerapan dan peratusan. Peratusan digunakan untuk mengenal pasti profil responden seperti aspek jantina dan kaum. Manakala min digunakan untuk mendapatkan skor min

bagi setiap objektif bagi item soalan bahagian A, B, C dan D. Analisis yang kedua ialah analisis statistik interensial menggunakan Perisian Statistik 14.0, iaitu menggunakan ujian ANOVA dan ujian kolerasi Pearson sebagai bukti kepada analisis data daripada responden.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Dalam kajian ini, terdapat tiga aspek profil responden, iaitu jantina dan kaum. Jadual 2 berikut ialah maklumat yang terkandung dalam profil responden menunjukkan taburan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai 140 orang, iaitu 38.8 peratus responden terdiri daripada pelajar lelaki, manakala 200 orang, iaitu 58.82 peratus responden ialah pelajar perempuan. Dari segi kaum pula, kaum Melayu mencatat peratusan sebanyak 39.2 peratus (120 orang), diikuti oleh Kaum Iban yang mencatat 31.37 peratus (96 orang). Kaum Melanau seramai 60 orang responden, iaitu 19.6 peratus. Kaum Cina pula hanya 9.8 peratus, iaitu 40 orang. Keseluruhan responden ialah 306 orang murid yang bersekolah di luar bandar Meradong, Bintangor. Pemilihan responden daripada pelbagai kaum membolehkan pengkaji melihat gambaran motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu secara luwes.

Jadual 2
Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina

Kategori		Kekerapan (N – 306)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	140	45.76
	Perempuan	166	54.24
Kaum	Melayu	120	39.23
	Iban	96	31.37
	Melanau	60	19.60
	Cina	40	9.80

Tahap Motivasi Mengikut Jantina dan Kaum

Apakah tahap motivasi dalam kalangan murid sekolah rendah di luar bandar terhadap pembelajaran bahasa Melayu? Jadual 3 menunjukkan tahap motivasi pelajar luar bandar di daerah Meradong, Bintangor. Berdasarkan dapatan, didapati bahawa majoriti responden mempunyai tahap motivasi yang tinggi terhadap tahap pembelajaran bahasa Melayu, iaitu seramai 160 orang responden dengan jumlah peratusan 52.29 peratus. Diikuti tahap motivasi rendah terhadap pembelajaran bahasa dengan jumlah peratusan sebanyak 34.64 peratus, iaitu seramai 106 orang responden. Seterusnya, seramai 40 orang pelajar yang bermotivasi tahap rendah dengan jumlah peratusan 13.07 peratus.

Jadual 3

Taburan motivasi pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah luar bandar di daerah Bintangor, Meradong

Kategori Motivasi	Kekerapan (N – 306)	Peratusan (%)
Tahap rendah	40	13.07
Tahap Sederhana	106	34.64
Tahap Tinggi	160	52.29
Jumlah	306	100

Jadual 4 menggambarkan tahap motivasi mengikut jantina. Berdasarkan dapatan, data skor min responden perempuan, iaitu 3.29 melebihi min skor responden lelaki, iaitu 3.27. Walau bagaimanapun, min skor berdasarkan jantina tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Hal ini menunjukkan bahawa faktor jantina bukan faktor utama mempengaruhi pelajar luar bandar mempelajari bahasa Melayu.

Jadual 4

Tahap motivasi mengikut jantina

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	df	t
Lelaki	100	3.27	4.638	333	0.708
Perempuan	206	3.29	3.666		

*p>0.05

Jadual 5 menunjukkan tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu mengikut kaum pelajar sekolah luar bandar di daerah Bintangor, Meradong. Analisis data menunjukkan bahawa responden Melayu mempunyai motivasi paling tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu dengan jumlah peratusan sebanyak 45.0 peratus. Hal ini diikuti oleh responden kaum Iban mencatat 35 peratus. Tahap motivasi pelajar kaum Melanau (11 peratus) dan murid kaum Cina (9 peratus) menunjukkan tahap motivasi paling rendah untuk mempelajari Bahasa Melayu.

Jadual 5

Tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu murid sekolah luar bandar di daerah Bintangor, Meradong

Kaum	Kekerapan (N – 306)	Peratusan (%)
Melayu	140	45.75
Iban	110	35.95
Melanau	35	11.44
Cina	21	6.86
Jumlah	306	100.0

Tahap Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Apakah tahap pencapaian pelajar luar bandar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu? Jadual 6 menunjukkan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tahap pencapaian ini dinilai berdasarkan keputusan peperiksaan Akhir 2015 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Pemahaman dan Bahasa Melayu Penulisan. Pada umumnya, kebanyakan pencapaian responden dalam bahasa Melayu pada tahap tinggi, iaitu seramai 166 orang dengan 54.68 peratus. Responden yang mempunyai tahap motivasi pada tahap tinggi dengan memperoleh skor markah antara 80-90, iaitu mendapat gred A. Seterusnya, diikuti tahap pencapaian sederhana, iaitu 100 orang responden dengan 32.68 peratus dengan skor markah antara 60-79, iaitu gred B. Hanya 40 orang responden, iaitu 13.07 peratus masih berada pada tahap pencapaian rendah dalam bahasa Melayu kerana hanya memperoleh markah C, iaitu 40 -50 markah.

Jadual 6

Tahap pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah rendah di daerah Meradong, Bintangor.

Kategori Pencapaian	Kekerapan	Peratusan (%)
Tahap rendah	40	13.07
Tahap Sederhana	100	32.68
Tahap Tinggi	166	54.25
Jumlah	306	100

Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu

Apakah faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar luar bandar mempelajari Bahasa Melayu? Merujuk Jadual 7, faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar luar bandar mempelajari bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor “*Saya ingin lulus dengan cemerlang dalam Bahasa Melayu*” mendapat min skor tertinggi, iaitu 3.90, SP =0.548. Hal ini diikuti oleh faktor ‘*Aktiviti pengajaran guru sangat menarik dan menyeronokkan*” dengan min skor 3.83, SP 0.461. Seterusnya, faktor “*Guru selalu memberi pujian dan motivasi selepas pembelajaran*” dengan min skor 3.80, SP 0.484. Faktor “*Dapat berkomunikasi dengan rakan pelbagai kaum dengan mudah*” pula dengan min skor 3.53, SP 0.571. Min skor terendah 3.33, SP 0.661 ialah faktor “*Bahasa Melayu mudah difahami*”. Kesimpulannya, nilai min yang tinggi ini menunjukkan bahawa mempelajari bahasa Melayu banyak memberikan motivasi kepada pelajar luar bandar.

Jadual 7

Faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar luar bandar mempelajari bahasa Melayu

Bil	Item Pengukuran	Min	Sisihan Piawaian
1.	Bahasa Melayu mudah difahami	3.33	.661
2	Saya ingin lulus dengan cemerlang dalam Bahasa Melayu	3.90	.548
3	Dapat berkomunikasi dengan rakan pelbagai kaum dengan mudah	3.53	.571
4	Aktiviti pengajaran guru sangat menarik dan menyerokkan	3.83	.461
5	Guru selalu memberikan pujian dan motivasi selepas pembelajaran	3.80	.484

Hubungan antara Tahap Motivasi dengan Pencapaian Pelajar

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi dengan pencapaian bahasa Melayu pelajar luar bandar? Jadual 8 menunjukkan hasil ujian kolerasi Pearson. Berdasarkan keputusan ujian kolerasi tersebut didapati bahawa nilai pekali Pearson, $r = 0.428$ dan nilai sig. = 0.00 bermakna satu hubungan positif yang sederhana dan nilai ini adalah signifikan ($p < 0.05$). Hasil analisis ujian kolerasi ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana dan signifikan antara tahap motivasi belajar dengan pencapaian murid dalam pelajaran Bahasa Melayu ($r = 0.428$, $n = 306$, $p < 0.05$). Melalui dapatan analisis ini jelaslah bahawa tahap motivasi seseorang individu relatifnya akan mempengaruhi tahap pencapaian akademik responden. Lazimnya, minat akan mewujudkan motivasi instrinsik. Seterusnya motivasi inilah yang akan mendorong seseorang pelajar untuk lebih fokus kepada pembelajarannya, sama ada dari aspek latihan atau ulang kaji terhadap sesuatu mata pelajaran yang diminati secara optimum. Maka, tahap motivasi seseorang pelajar inilah yang akan menjadi tunjang kepada pencapaian cemerlang dalam peperiksaan.

Jadual 8

Kolerasi antara motivasi belajar dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Korelasi		Pencapaian Bahasa Melayu	Motivasi Belajar
Skor Bahasa Melayu	Pearson Correlation	0.428	.0428*
	Sig.(2-tailed)	0.00	.000
	N	306	306

* *Correlation is significant at the level 0.01 level (2-tailed)

PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, perbincangan dibuat berdasarkan tiga aspek, iaitu tahap motivasi, faktor yang mempengaruhi motivasi dan hubungan motivasi dengan pencapaian.

Tahap Motivasi

Berdasarkan kajian yang dijalankan, tahap motivasi pelajar sekolah luar bandar daerah Meradong terhadap pembelajaran bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi. Tahap motivasi pelajar ini didorong oleh beberapa faktor seperti keinginan mendapat markah yang tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan keinginan untuk berjaya mencapai cita-cita. Selain itu, motivasi pembelajaran turut disokong dengan suasana pembelajaran yang kondusif dan efektif di sekolah, di samping pendekatan gaya pengajaran guru yang efektif dan menyeronokkan. Pelajar juga berpendapat bahawa motivasi mereka terhadap pembelajaran bahasa Melayu juga disebabkan keinginan untuk berjaya dalam mata pelajaran tersebut. Menurut Gardner dan Lambert (1972), motivasi terbahagi kepada dua, iaitu motivasi integratif dan instrumental. Apa yang pasti ialah apabila pelajar mempunyai motivasi integratif dan instrumental yang tinggi, mereka lebih mudah mempelajari dan menguasai bahasa kedua. Dapatan kajian ini, selari dengan dapatan kajian Jerie dan Zamri (2011) yang mendapati bahawa motivasi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban turut berada pada tahap yang tinggi.

Merujuk kepada aspek motivasi mengikut jantina, didapati tidak terdapat banyak perbezaan antara kedua-dua jantina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa motivasi pelajar perempuan lebih sedikit sahaja nilai minnya berbanding dengan min skor motivasi pelajar lelaki dalam kadar perbezaan yang sangat rendah. Kesiediaan mempelajari bahasa Melayu dalam kalangan pelajar perempuan meningkatkan motivasi dan minatnya untuk mempelajari bahasa Melayu berbanding dengan pelajar lelaki. Sikap mencintai bahasa ibunda mungkin antara faktor penerimaan bahasa kedua dalam kalangan pelajar agak lemah. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Zamri et al. (2013) yang mendapati bahawa sikap dan motivasi pelajar bukan Melayu mempengaruhi minat dan motivasi pelajar ketika belajar bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, Norsidah et al. (2010) dalam kajiannya mendapati bahawa wujud perbezaan yang signifikan dari segi sikap dan motivasi antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Merungkai persoalan berkaitan tahap motivasi mengikut kaum pula, dapatan kajian didominasi oleh responden kaum Melayu. Tahap motivasi yang tinggi mempelajari bahasa Melayu dipengaruhi oleh faktor bahasa Melayu baku mempunyai banyak persamaan dari aspek leksikal, makna perkataan, imbuhan dan unsur binaan ayat. dengan bahasa Melayu Sarawak berbanding dengan bahasa Melanau, dan Cina yang jauh berbeza. Unsur ekstralinguistik yang merangkumi aspek penggunaan bahasa harian, pendedahan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.

Tahap motivasi pembelajaran bahasa Melayu yang rendah dalam kalangan responden pelajar kaum Cina disebabkan faktor dwibahasa dan pengaruh bahasa pertama responden. Bahasa Melayu merupakan bahasa ketiga bagi responden berbangsa Cina selepas bahasa ibunda dan bahasa Inggeris. Penguasaan yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ini menyebabkan berlaku kesalahan bahasa dari aspek leksikal, sintaksis dan semantik

apabila mereka berkomunikasi secara lisan mahupun dalam bentuk penulisan karangan khususnya. Faktor kesalahan bahasa ini menyebabkan tahap motivasi pelajar cenderung rendah untuk mempelajari bahasa Melayu yang dianggap sukar.

Penguasaan kosa kata yang lemah menyukarkan responden untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan betul apatah lagi menggunakan bahasa Melayu mengikut fungsi dan situasi yang betul. Tambahan pula bahasa Melayu hanya digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah. Fenomena ini sangat ketara bagi responden yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Meradong. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah tinggi dengan jumlah 166 orang (54.25 %) responden mendapat Gred A dalam Ujian Akhir 2015. Tahap pencapaian yang tinggi ini menunjukkan bahawa sikap positif dan kesediaan pelajar untuk mempelajari seterusnya memperoleh keputusan cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sentiasa wujud dalam kalangan pelajar. Dalam konteks meningkatkan motivasi pelajar terhadap bahasa Melayu, guru juga harus mahir dalam mengelolakan bahan pengajaran sehingga dapat menarik minat pelajar untuk terus mengikuti pembelajaran bahasa tersebut. Di samping itu, motivasi pelajar juga dapat ditingkatkan dengan melaksanakan penilaian pengajaran. Penilaian ini secara tidak langsung dapat memberitahu pelajar tentang kelemahan dan kekuatannya dalam proses penguasaan bahasa. Oleh itu, guru perlu melaksanakan pengajaran yang mempertimbangkan kepelbagaian pendekatan, kaedah, teknik, aktiviti dan bahan untuk memenuhi kepelbagaian pelajar yang datang daripada pelbagai negara.

Faktor Mempengaruhi Motivasi

Seterusnya, aspek faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu dilihat melalui lima item pengukuran. Motivasi pelajar terhadap faktor *Saya ingin lulus dengan cemerlang dalam Bahasa Melayu* sebagai memaparkan motivasi yang tinggi. Komponen ini berkaitan dengan motivasi instrumental. Pelajar Iban sedar bahawa Bahasa Melayu ialah subjek yang wajib lulus dalam mana-mana peperiksaan awam. Mereka juga percaya bahawa bahasa Melayu boleh mengembangkan pengetahuan mereka, di samping boleh membantu mereka mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan kerana kebanyakan subjek lain diajar dalam bahasa Melayu. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian Abdullah (2004) yang mengatakan bahawa pelajar Dusun belajar bahasa Melayu dengan tekun dan bersungguh-sungguh kerana adanya motivasi instrumental. Kajian Nurul Huda (2010) juga selari dengan dapatan ini yang mengatakan bahawa pelajar bukan Melayu dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik kerana mempunyai kemahuan yang tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu yang merupakan subjek penting dan wajib lulus untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, faktor yang memotivasikan pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu ialah peranan yang dimainkan oleh tenaga pengajar. Teknik penyampaian dan strategi yang digunakan oleh tenaga pengajar mampu menarik minat mereka untuk terus mengikuti pembelajaran. Faktor *aktiviti pengajaran guru sangat menarik dan menyeronokkan* dan faktor *guru selalu memberikan pujian selepas pembelajaran bahasa Melayu* juga mendapat min skor kedua dan ketiga tinggi dalam kalangan responden. Dapatan ini bersesuaian

dengan dapatan yang diperoleh oleh Azizi dan Jaafar (2006) yang mengatakan bahawa guru perlu sentiasa memberikan penegasan positif kepada pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Pernyataan ini turut disokong oleh kajian oleh Zamri (2014) yang mengatakan bahawa guru bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dalam menentukan proses pembelajaran bahasa berjalan dalam suasana yang kondusif dan efektif.

Hubungan Motivasi dengan Pencapaian

Dari segi hubungan antara motivasi belajar dengan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan pencapaian pelajar. Namun, hubungan tersebut berada pada tahap sederhana. Dalam erti kata lain, apabila pelajar mempunyai tahap motivasi yang tinggi, kadar peningkatan pencapaian pelajar meningkat pada tahap yang rendah. Dapatan kajian ini juga selaras dengan kajian Abdullah Hakim terhadap faktor yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah rendah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan hubungan signifikan yang sederhana. Abdullah (2004) dalam kajiannya mendapati bahawa kelulusan dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia tidak dipengaruhi oleh sikap dan motivasi yang ditunjukkan oleh responden. Ini dapat dilihat melalui dapatan kajian yang menunjukkan bahawa hampir semua responden (99.2 peratus) mendapat kelulusan dengan pangkat kepujian dalam Bahasa Melayu mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi dalam mempelajari mata pelajaran tersebut.

IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Guru Bahasa Melayu yang bermasalah untuk menyampaikan isi pelajaran yang menarik dan sesuai kepada pelajar luar bandar yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa Kedua mereka. Guru Bahasa Melayu perlulah diberi galakan untuk menghadiri kursus dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Kursus berkaitan dengan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran perlu diadakan selalu, sama ada kursus tersebut dalam jangka masa pendek ataupun jangka panjang. Pengisian kursus juga hendaklah berkaitan dengan aspek morfologi, semantik dan sintaksis untuk meningkatkan penguasaan guru dalam bahasa Melayu.

Selain itu, guru juga hendaklah kreatif dan inovatif dalam menyediakan bahan bantu mengajar, seperti lebih kerap menggunakan bahan autentik, pendekatan, kaedah dan teknik yang dapat melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Elemen didik hibur perlu diterapkan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan kerana pelajar lazimnya menyukai elemen muzik dan audio visual dalam kehidupan mereka. Guru Bahasa Melayu juga perlu segera menyedari tahap penggunaan bahan bantu mengajar yang sama sahaja sepanjang proses pengajaran akan menjadikan pengajaran yang disampaikan oleh seseorang guru itu hambar dan kurang mendapat perhatian pelajar. Hal ini ditegaskan oleh Abdul Rasid dan Arbaie (2001) bahawa penggunaan bahan pengajaran yang menarik dapat mempertingkatkan motivasi pelajar. Dengan cara ini, guru akan dapat mencari pendekatan pengajaran yang sesuai untuk murid mereka.

Para guru perlu mempelbagai kaedah pedagogi yang menarik berasaskan penggunaan ICT sebagai bahan bantu belajar untuk meningkatkan motivasi dan perasaan seronok mempelajari bahasa Melayu sehingga boleh membentuk kecekapan berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan fasih. Menurut Zamri et al. (2015), dalam konteks pembelajaran, seseorang individu yang bermotivasi tinggi mempunyai kesediaan melakukan tugas yang bermakna. Sebaliknya, seseorang yang tiada inspirasi dianggap sebagai tidak bermotivasi dalam melakukan sesuatu perkara. Malah, guru juga mestilah melengkap diri dengan pelbagai bentuk ilmu pengetahuan berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kemampuan guru sendiri dalam bahasa Melayu hendaklah ditingkatkan, terutamanya dari segi tatabahasa, sintaksis, ejaan dan sebutan. Guru perlu menyedari hakikat bahawa matlamat akhir pengajaran mereka adalah untuk membakukan penggunaan bahasa Melayu kepada seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, adat resam dan kebudayaan.

Selain itu, aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu perlulah aktiviti yang menarik minat dan bersesuaian dengan peredaran masa dan umur pelajar. Aktiviti yang dijalankan perlu mempunyai objektif yang jelas dan tepat serta dapat mencungkil bakat serta kebolehan murid pelajar. Dalam hal ini juga, pihak pentadbir sekolah perlulah memilih guru bahasa Melayu yang benar-benar aktif agar persatuan Bahasa Melayu dapat memainkan peranannya dengan lebih efisien dan berkesan. Aktiviti yang dianjurkan juga penting untuk membentuk keyakinan pelajar berbahasa Melayu dengan betul melalui pengajaran pelbagai aktiviti seperti pertandingan bercerita, pidoata, perbahasan, bicara berirama, deklamasi puisi, lakonan dan drama.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, keupayaan, penguasaan dan kesediaan mempelajari bahasa kedua dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Sikap positif dalam mempelajari bahasa Melayu merupakan tunjang utama untuk meningkatkan motivasi dan minat, seterusnya membina kecekapan berbahasa serta menggunakan bahasa Melayu dengan fungsi dan semantik mengikut konteks yang betul dalam kehidupan seharian. Kesedaran akan kepentingan menguasai bahasa Melayu bukan sekadar sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar, malah sebagai bahasa ilmu supaya pelajar menjadi modal insan yang dan mampu bersaing dalam arena pekerjaan. Kenyataan ini selaras dengan Kajian Suwarnee et al. (2000) yang mendapati bahawa pelajar Melayu terdorong untuk mempelajari bahasa Melayu bukan sahaja untuk mendapatkan keputusan yang baik, tetapi kerana minat dan kesedaran tentang persaingan peluang pekerjaan pada masa hadapan.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Penguasaan variasi bahasa dalam kalangan individu juga selaras dengan aspirasi pelajar melalui penguasaan kedwibahasaan seperti yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Tahap motivasi yang tinggi serta terdapat hubungan signifikan antara motivasi dengan pencapaian bahasa Melayu dalam Kalangan pelajar menggambarkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan diterima oleh masyarakat Sarawak dengan baik.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mahmood. (1990). Penguasaan Bahasa Malaysia baku di kalangan pelajar. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34 (4): 613-615.
- Abdul Rasid Jamian & Arbaie Sujud. (2001). *Media pengajaran: Pengajaran bahasa dan sastera*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Abdul Rasid Jamian & Zulkifli Abu Zarin. (2008). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid sekolah rendah. *Prosiding KONPEN 2008*. 1-4 Jun.
- Abdullah Musa. (2004). Sikap dan motivasi pelajar Dusun terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahya & Jaafar Sidek Latif. (2006). *Siri kaunseling: Membentuk identiti remaja*. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Chew Fong Peng dan Lee Tan Luck. (2009). Masalah pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Cina dan Melayu di Kuala Terengganu. Kertas kerja 2nd International Conference Issues in Language Teaching and Learning Amongst Non-Narative Speaker: Language Competence and Performance, 2-3 Disember.
- Gardner, R. C. (1985). *Social psychology and second language learning*. London: Edward Arnold.
- Gardner, R. C. & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and motivation in second language learning*. Rowley, MA: Newbury House.
- Hurlock, B.E. (2000). *Developmental psychology: A life span approach*. Edisi Ketiga. New Delhi: Tata McGraw-Hill.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM)*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Krashen, S.D. (1988). *Second language acquisition and second language learning*. Mew York: Prentice-Hall.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsidah Ab. Hamid, Jamaludin Badushah & Fairose Sulaiman. (2010). Kelemahan tatabahasa pelajar Cina dalam penulisan karangan pada peringkat menengah rendah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidik Bahasa Melayu*, 12-18 Jun.
- Nurul Huda Ong Abdullah. (2010). Motivasi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid bukan Melayu. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidik Bahasa Melayu*, 12-18 Jun.
- Robiah Sidin. (1998). *Pemikiran dalam pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Roslind Mawing. (2003). Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan sikap pelajar terhadap bahasa Melayu. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Saadiah Mohamad. (2003). Hubungan Motivasi dalaman (motivasi instrink) dan peranan motivasi luaran (motivasi ekstrinsik) dengan pencapaian akademik pelajar tahun akhir Kursus sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, 2001/ 2002, Kolej Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat.
- Sekaran, U. (1992). *Research method for business: A skill building approach*. 2nd Edition. New York: John Wiley & Son.
- Sternberg, R. J. & Williams, W. M. (2002). *Educational psychology*. Boston: Allyn & Bacon.

- Suwarnee Mohd Solah, Fairrose Shamsudin, Elmiyusni Mohd Yusop & Zamri Mahamod. (2008). Pengaruh sikap dalam pembelajaran bahasa pertama dan bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melayu. Dlm. Zamri Mahamod (Pnyt). *Psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*: 145-169. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Zamri Mahamod & Zarina Othman. (2001). Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Dewan Bahasa*, Februari: 40-43.
- Jerie anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 13-25.
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod, Yahya Othman, Jamaludin Badusah & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2013). Sikap dan minat pelajar bukan Melayu ketika belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Dlm. Zamri Mahamod, Mohd Izham Mohd Hamzah, Abdul Razaq Ahmad & Mahdum. (Pnyt.). *Himpunan penyelidikan pendidikan serantau*, 29: 371-384. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. (2015). *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. (2016a). *Psikolinguistik dan pengajaran bahasa*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2016b). *Sosiolinguistik dan pengajaran bahasa*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidatun Tasir & Mohd Salleh Abu. (2003). *Analisis data berkomputer SPSS 11.5 for windows*. Kuala Lumpur: VENTON Publishing.
- Zulkifley Hamid. (1996). *Bahasa: Konsep, fungsi dan penguasaannya oleh penutur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.